

# UJIAN PERTENGAHAN SESI AKADEMIK TAHUN 6 SESI 2025/2026

**Bahasa Melayu ( 011 )**

**1jam 15 minit**

|              |  |
|--------------|--|
| <b>NAMA</b>  |  |
| <b>KELAS</b> |  |

*ARAHAN:*

- 1. Buka kertas ujian ini apabila diberitahu.*
- 2. Tulis nama dan nama kelas kamu pada ruang yang disediakan.*
- 3. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas ujian ini.*
- 4. Kertas ujian ini hendaklah diserahkan kepada guru bertugas pada akhir ujian.*

| Untuk Kegunaan Pemeriksa |        |              |                  |
|--------------------------|--------|--------------|------------------|
| Nama Pemeriksa:          |        |              |                  |
| Bahagian                 | Soalan | Markah Penuh | Markah Diperoleh |
| A                        | 1-10   | 10           |                  |
| B                        | 1      | 5            |                  |
|                          | 2      | 5            |                  |
| C                        | 1      | 10           |                  |
| D                        | 1      | 20           |                  |
| Jumlah                   |        | 50           |                  |

### Bahagian A

[ 10 Markah ]

#### Soalan 1 hingga 2

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Ibu bapa Mei Hua \_\_\_\_\_ atas pencapaian anaknya dalam Pertandingan Pidato.  
A suka  
B bangga  
C kecewa  
D risau
  
- 2 Penduduk Kampung Selamat terdiri \_\_\_\_\_ pelbagai kaum.  
A di  
B dari  
C kepada  
D daripada
  
- 3 Pilih ayat yang **betul**.  
A Natasha ditawarkan menyambung pelajaran dan luar negara.  
B Encik Ahmad meminta Ali menggunakan kemudahan teknologi dalam pendidikan.  
C Warganegara Malaysia perlu saling menghormati lalu antara satu sama lain.  
D Anak dan pokok rambutan perlu disiram pada waktu pagi.

#### Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Mei Ling telah dilantik menjadi ketua kelas Tahun Enam Bijak. Setiap hari, dia akan memastikan rakan sekelas mengemas kelas sebelum rehat dan sebelum pulang ke rumah. Murid-murid membersihkan kelas mengikut jadual yang telah dibuat oleh guru kelas mereka iaitu Cikgu Lim. Mei Ling sering mengingatkan rakan-rakannya untuk menjaga kebersihan kelas untuk keselesaan bersama.

Selain itu, Mei Ling juga turut memastikan suis peralatan elektrik seperti kipas dan lampu ditutup sekiranya tiada orang di dalam kelas. Kelas juga akan dikunci semasa rehat dan sebelum pulang ke rumah. Cikgu Lim sungguh bangga akan sikap bertanggungjawab Mei Ling.

- 4      Siapakah yang dilantik menjadi ketua kelas Tahun Enam Bijak?  
A Cikgu Lim.  
B Rakan kelas.  
C Mei Ling.  
D Murid-murid.
  
- 5      Antara berikut, yang manakah kepentingan menjaga kebersihan?  
A Perpaduan bersama.  
B Keceriaan bersama  
C Kegembiraan bersama.  
D Keselesaan bersama.
  
- 6      Pernyataan berikut adalah **benar** tentang Mei Ling **kecuali**  
A Mei Ling memastikan rakan kelas mengemas kelas setiap hari.  
B Mei Ling mengarahkan sesiapa sahaja untuk mengemas kelas pada setiap hari.  
C Mei Ling menutup suis peralatan elektrik sekiranya tiada orang di dalam kelas.  
D Mei Ling merupakan kebanggaan Cikgu Lim kerana sikap bertanggungjawabnya.

### Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

#### Bahan 1

### PROGRAM KONVOI BERBASIKAL SELAMAT

Tarikh : 8 Julai ( Sabtu)

Masa : 8:00 pagi -11:00 pagi

Tempat : Kompleks Sukan Taman Muhibah

Aktiviti Menarik: Kayuhan basikal sejauh 5 km, cabutan bertuah, kempen keselamatan berbasikal

Syarat Penyertaan:

- Wajib memakai topi keledar
- Basikal mempunyai brek yang berfungsi
- Peserta berumur 10 tahun ke atas



#### Bahan 2

Aidil memerhatikan ayahnya di garaj. Ketika itu ayahnya sedang memeriksa kereta. "Ayah, apakah yang sedang ayah lakukan?" tanya Aidil.

"Ayah sedang memeriksa bunga tayar kereta sebelum kita memulakan perjalanan pulang ke kampung esok. Kita perlu memeriksa kenderaan supaya sentiasa berada dalam keadaan baik untuk keselamatan keluarga kita," jelas ayahnya.

"Betul ayah. Semalam kawan Aidil terjatuh daripada basikalnya ketika menjalani aktiviti berbasikal kerana brek basikalnya tidak berfungsi," kata Aidil.

- 7 Kawan Aidil terjatuh dari basikalnya ketika
- A brek basikalnya tidak berfungsi.
  - B menjalani aktiviti berbasikal.
  - C memulakan perjalanan.
  - D pulang dari kampung.

- 8
- Ketika itu ayahnya sedang memeriksa kereta.

Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris di atas ialah

- A keping
  - B batang
  - C biji
  - D buah
- 9 Perkataan *aktiviti* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan
- A kerja
  - B tugas
  - C kegiatan
  - D tindakan
- 10 Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.
- A Aidil menyertai Konvoi Berbasikal Selamat.
  - B Kawan Aidil memakai topi keledar ketika berbasikal.
  - C Peserta Berbasikal Selamat perlu mengayuh basikal sejauh 5 km.
  - D Ayah Aidil memeriksa kereta sebelum ke Konvoi Berbasikal Selamat.

## Bahagian B

[ 10 Markah ]

### Soalan 1

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Kuih wajik ialah sejenis kuih tradisional yang terkenal di Malaysia. Kuih tradisional ini dikenali juga dengan beberapa nama seperti pulut kaca atau nasi manis. Cara pembuatan kuih wajik juga berbeza mengikut tempat. Sebagai contohnya, ada pihak yang memasak pulut dengan santan sebelum mencampurkannya dengan larutan gula yang telah dimasak sehingga berwarna perang gelap. Pihak lain pula ada yang hanya mengukus pulut tersebut dan mencampurkannya dengan santan bersama-sama gula Melaka atau gula perang.

Begitu juga dengan bahan-bahan yang digunakan untuk membuat kuih wajik. Jika di negeri lain, gula Melaka merupakan suatu kemestian dalam pembuatan kuih wajik. Namun begitu, di negeri Sarawak, mereka menggunakan gula apong ketika membuat kuih wajik.

- a) Kuih wajik ialah kuih tradisional yang dikenali juga dengan nama \_\_\_\_\_.

[ 1 markah ]

- b) Dimanakah kuih wajik yang menggunakan gula apong boleh didapati?

---

---

[ 2 markah ]

- c) Gariskan satu **kata nama khas** yang terdapat dalam ayat diberi.

Cara pembuatan kuih wajik juga berbeza mengikut tempat antara negeri Sarawak dan negeri-negeri lain.

[ 1 markah ]

- d) Pilih dan tandakan ( ✓ ) bagi ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberi.

Jika di negeri lain, gula Melaka merupakan satu kemestian dalam pembuatan kuih wajik.

|                                                                                                    |  |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------|--|
| Gula Melaka ialah bahan yang mesti digunakan ketika membuat kuih wajik di negeri lain.             |  |
| Kuih wajik mesti dibuat di negeri lain jika kita hendak menggunakan gula Melaka ketika membuatnya. |  |

[ 1markah ]



## Soalan 2

Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Panjangnya jawapan kamu **tidak lebih daripada 30 patah perkataan**.

Kamu ingin mengulang kaji pelajaran kerana kamu akan menduduki ujian pertengahan sesi akademik pada minggu hadapan. Sepupu kamu yang baru balik dari luar negara mengajak kamu bercuti di Pulau Langkawi pada hujung minggu.

Berdasarkan situasi di atas, apakah tindakan yang patut kamu lakukan?

---

---

---

---

---

[ 5 markah ]



### Bahagian C

[ 10 Markah ]

Grafik di bawah menunjukkan tentang cara-cara menjaga kesihatan.

Tuliskan pendapat kamu tentang **cara-cara menjaga kesihatan**.

Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam **satu** perenggan.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 50 patah perkataan**.



---

---

---

---

---

---

---

---

[ 10 markah ]

### Bahagian D

[ 20 Markah ]

Teliti bahan grafik di bawah. Kemudian tulis sebuah **karangan dalam bentuk karangan berformat atau karangan tidak berformat**. Panjangnya karangan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.

#### SAMBUTAN HARI JADI



1 Tuliskan cerita berdasarkan gambar di atas.

**ATAU**

2 Tuliskan sepucuk surat tidak rasmi berdasarkan gambar di atas.

[illegible]

[ 20 markah]